

09 NOV 1996

DR M UCAP TAHNIAH ATAS PEMILIHAN SEMULA HASHIMOTO

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengutus ucapan tahniah kepada Ryutaro Hashimoto atas pemilihannya semula sebagai Perdana Menteri Jepun.

Katanya beliau yakin kerjasama antara Malaysia dan Jepun akan meningkat di bawah kepimpinan berterusan Hashimoto.

" Saya yakin bahawa dengan bekerjasama, kedua-dua negara dapat menyumbang kepada peningkatan kemakmuran ekonomi selain keamanan dan kestabilan di rantau sebelah sini," katanya dalam perutusan tahniahnya yang dikeluarkan Wisma Putra hari ini.

Katanya sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Jepun berada dalam keadaan baik untuk membawa impak yang positif berhubung hal ehwal serantau dan sejagat.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya Yukihiko Ikeda berkata beliau menanti untuk bekerjasama dengan Ikeda dalam mengukuhkan lagi hubungan baik yang sedia wujud antara kedua-dua negara,

-- BERNAMA

HAK AHH